

BAB 4

BAB 4

ANALISIS SEMANTIK PENGGUNAAN KATA KERJA MĀḌĪ DAN MUḌĀRĪ' DALAM SURAH ĀL-IMRĀN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan membentangkan sepuluh ayat al-Quran dalam surah Āl-Imrān yang membincangkan sebab-sebab dan alasan-alasan kata kerja tersebut digunakan. Terdapat ayat yang didatangkan di dalam kata kerja muḌāri' tetapi membawa maksud mĀḌĪ kerana atas sebab-sebab tertentu seperti yang akan dibahaskan. Terdapat juga di dalam ayat al-Quran berita-berita dan janji-janji mengenai masa yang akan datang yang di luar kekuasaan manusia untuk mengetahuinya. Justeru itu, terdapat juga bentuk seperti ini yang didatangkan dalam kata kerja mĀḌĪ tetapi membawa maksud kata kerja muḌāri', iaitu berita atau perihal yang akan datang. Semua ini adalah hikmah daripada Allah Taala dan sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala yang tersurat dan tersirat.

Tidak semua kata kerja mĀḌĪ dan muḌāri' dalam ayat surah ini terlibat dalam perbahasan ini. Bab ini dibahaskan berdasarkan sebab penurunan ayat tersebut serta rentetan peristiwa yang berlaku dan juga maksud ayat yang disampaikan melalui aspek kala ayat. Walau bagaimanapun, terdapat juga ayat-ayat yang sama alasan dan tujuannya seperti yang akan dibahaskan.

Terdapat juga perbahasan yang lebih menjurus kepada sintaksis ayat, di samping tidak mengeneikan aspek semantiknya.

4.2 Analisis Kata Kerja Mādi Dan Mudāri' Dalam Surah Āl-Imrān

Berikut adalah perbahasan-perbahasan mengenai ayat-ayat tersebut di dalam surah ini.

a) Ayat 21;

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّاتِ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ
يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan azab yang amat pedih."

Ayat ini menjelaskan penghinaan Allah Taala kepada golongan ahli kitab yang berada pada zaman Rasulullah s.a.w kerana mereka sentiasa mengingkari ayat Allah Subhanahu Wa Taala, membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan tidak mungkin ada alasan-alasan untuk membunuh mana-mana nabi sekalipun. Ahli kitab ini juga membunuh orang-orang yang menyuruh orang ramai melakukan keadilan dan menegakkan kebenaran, iaitu orang-orang yang menyuruh mereka mengikut peraturan dan undang-undang Allah di atas muka bumi ini.

Penggunaan kata kerja mudari' iaitu **يَقْتُلُونَ** yang pertama membawa maksud madi kerana keadaan ini telah berlaku sebelum zaman Nabi Muhammad s.a.w lagi. Hikmah ayat ini adalah untuk menunjukkan penghinaan dan celaan Allah Taala kepada mereka itu sentiasa berterusan. Ini juga menunjukkan bahawa ancaman Allah kepada golongan ini bukan sahaja pada zaman Rasulullah s.a.w malah berterusan sehingga kini bagi golongan-golongan yang seumpama ini seperti golongan Yahudi dan Nasrani.

Dalam hal ini, ulama Ibnu al-Athir menyatakan bahawa, fenomena ini berlaku untuk menunjukkan kutukan Allah Taala kepada golongan Yahudi khususnya, kerana perbuatan-perbuatan mereka telah mengingkari ayat Allah Taala sama ada dahulu atau sekarang serta membunuh para nabi dan orang-orang Muslim yang menyeru ke arah kebaikan.⁸

Selain itu, ayat ini juga menjelaskan nasib kesudahan golongan-golongan seperti ini yang dijanjikan Allah, iaitu azab yang amat pedih di akhirat kelak.

Jika merujuk sintaksis ayat, didapati bahawa kata kerja sebelum dan selepasnya juga adalah kata kerja mudari' iaitu **يَكْفُرُونَ** dan **يَقْتُلُونَ** yang kedua. Maka untuk keseragaman ayat, kata kerja mudari' juga digunakan. Dari sudut balaghahnya atau retorik ayat, imam Fakhr al-Raazi berkata ia adalah untuk mubaalaghah, iaitu unsur berlebih-lebihan dalam menggambarkan sikap golongan Yahudi dan juga balasan yang bakal diterima kelak.⁹

⁸ Tafsir al-Quran al-Azim, Ibnu al-Athir. 2000. ms 24

⁹ Al-Tafsir al-Kabir, al-Fakhr al-Razi. 1997. Jil 7/176

b) Ayat 22;

أُولَئِكَ الَّذِينَ حَبِطَتِ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ
نَصِيرَةٍ ﴿٢٢﴾

"Mereka lah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong."

Ayat ini menceritakan kesudahan yang pasti berlaku kepada golongan yang mengkufurkan ayat Allah, golongan yang membunuh para nabi dan membunuh orang-orang yang menyeru ke arah kebaikan. Kesudahan yang pasti ini adalah azab yang amat pedih di akhirat. Allah Taala juga menyatakan ancaman-Nya kepada golongan-golongan ini bahawa segala usaha baik mereka akan terhapus di dunia mahupun di akhirat.

Penggunaan kata kerja māḍi iaitu حَبِطَتِ di sini menunjukkan juga penggunaannya pada masa akan datang kerana Allah Taala akan menghapuskan juga amalan-amalan baik mereka di akhirat, walaupun belum tiba lagi masa dan harinya. Ini adalah janji dan ancaman Allah kepada golongan Yahudi dan Musyrikin kerana segala perbuatan mereka yang telah lalu. Mereka juga sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong kelak untuk menyelamatkan mereka daripada janji-janji dan ancaman Allah yang nyata ini.

Sayyid Qutb di dalam kitabnya, Fī Zilālī al-Quran menyatakan bahawa, inilah kesudahan yang pasti berlaku kepada golongan Yahudi dan Musyrikin, iaitu azab yang amat pedih. Balasan ini berlaku ke atas mereka sama ada di dunia atau di akhirat dan ini adalah janji Allah s.w.t. Oleh sebab itu, perkataan ini digunakan untuk menunjukkan situasi atau

keadaan yang hidup supaya kita dapat menyedari dan membayangkan perkara yang bakal berlaku ini sebagai balasan dan nasib buruk kepada mereka yang melakukan perbuatan demikian.¹⁰

Allah s.w.t menggunakan kata kerja māḍi di sini jelas menunjukkan bahawa janji Allah itu pasti berlaku. Justeru itu, Allah Taala telah mengungkapkannya lebih awal walaupun ia belum lagi berlaku..

c) Ayat 25;

فَكَيْفَ إِذَا جُمِعْتَهُمْ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوَقَّيْتِ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

"Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka di suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiyai."

Ayat ini adalah sorotan daripada kelakuan dan kedegilan segolongan ahli kitab yang menolak dari berhakimkan kitab Allah dalam perkara-perkara i'tiqād atau kepercayaan dan urusan-urusan kehidupan.

Mereka juga menafikan tentang azab api neraka sebagai balasan bagi golongan yang seperti mereka. Ini adalah berpunca daripada ketidakpercayaan mereka terhadap kebenaran hisab pada hari kiamat dan kebenaran keadilan Allah Taala yang tidak memilih kasih.

¹⁰ Tafsir fī Zilāli al-Quran, Sayyid Qutb. 2000. Jil 2/286

Mereka mendakwa bahawa segala kehidupan manusia itu adalah urusan dunia, bukan urusan agama malah agama tidak penting untuk dilibatkan di dalam urusan amali manusia. Namun begitu, mereka masih mendakwa bahawa mereka adalah muslimin. Maka Allah Taala menjanjikan akan mengumpulkan golongan-golongan ini pada suatu hari yang telah ditetapkan dan pada hari tersebut akan disempurnakan balasan kepada mereka sama ada baik atau jahat.

Kata kerja yang digunakan dalam ayat ini ialah kata kerja *mādi* iaitu **وَفِيَتْ** yang membawa maksud “*telah disempurnakan (kepada tiap-tiap seorang)*” sedangkan hari yang dijanjikan Allah untuk menyempurnakan balasan ini belum lagi tiba. Bagaimanakah hal ini boleh berlaku? Justeru, ini menunjukkan bahawa Allah Taala ingin menjelaskan kepada kita tentang kebenaran hari kiamat dan balasannya serta kesungguhan pertemuan dengan Allah itu benar-benar berlaku. Allah Maha Mengetahui dengan setiap perkara yang sedang dan akan berlaku.

Sayyid Qutb juga menyatakan bahawa, keadaan ini berlaku untuk mengecam sikap kaum ahli Kitab yang bertentangan dengan perintah Allah s.w.t supaya mempercayai kitab Allah, iaitu Taurat.¹¹

¹¹ Tafsir fī Zalāli al-Quran, Sayyid Qutb. 2000. Jil 2/288

d) Ayat 36;

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَئِن سَأَلْتَهُ لَنُحْيِيهَا وَلَئِن سَأَلْتَهُ لَنَمَكِّنَنَّ لَهُهَا جَنَّتًا وَإِن يَسَأَلْكَ بِهَا بِئْرًا أَوْ أُخْرَىٰ فَاسْأَلْ ۗ إِنَّكَ عِنْدَ رَبِّكَ لَنَاصِرٌ ۖ
وَإِنِّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٣٦﴾

"Dan apabila ia telah melahirkannya ia pun berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah amat mengetahui dengan anak yang dilahirkannya - dan tentulah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan dan sesungguhnya aku namakannya Maryam dan aku lindungkannya dan zuriatnya pada-Mu dari syaitan yang terkutuk."

Ayat ini mengisahkan tentang nazar bonda Maryam iaitu Hanah binti Fāqūz, untuk menyerahkan bayi yang disayangi lagi dikasihi kepada Allah Taala supaya berkhidmat di rumah-rumah ibadat Allah serta memusatkan kehidupannya dalam kegiatan berta'abbud kepada Allah. Hanah menyangka beliau akan memperolehi anak lelaki sesuai dengan tugas untuk memelihara rumah-rumah Allah tetapi Allah lebih mengetahui apa yang wujud di dalam rahim seorang wanita. Walau bagaimanapun, beliau telah menerimanya dengan redha dan menamakan bayi tersebut sebagai Maryam. Kisah nazar ini telah mendedahkan kepada kita bagaimana isi hati bonda Maryam yang dipenuhi keimanan dan keikhlasan untuk menyerahkan anugerah yang dimiliki semata-mata untuk mencari keredhaan Allah.

Justeru itu, beliau memohon pertolongan Allah agar memelihara anaknya Maryam serta zuriat beliau iaitu al-Masih̄ Isa a.s daripada syaitan.

Dalam ayat ini terdapat beberapa kata kerja yang digunakan melalui percakapan bonda Maryam, iaitu **وَضَعَهَا** dan **سَمَّيْتُهَا** adalah kata kerja mādi. Seterusnya bonda Maryam mengungkap dengan menggunakan kata kerja muḍāri' iaitu **أُعِيذُهَا** dengan bertujuan untuk menunjukkan permintaan yang berterusan dan tidak terputus daripada Allah Taala supaya melindungi puterinya Maryam. Ia juga menunjukkan bahawa sifat Allah Taala yang sentiasa berterusan dalam memberi perlindungan dan jagaan kepada hamba-Nya yang soleh. Ini adalah kurnian Allah yang tidak terhitung kepada hamba-hamba-Nya.

Ulama Syeikh Muhd Abduh menyatakan bahawa, keadaan ini juga menunjukkan kelebihan Nabi Allah Musa a.s dan bondanya Maryam kerana sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah s.w.t sehingga terdapat dalam sebuah hadis riwayat Abu Hurairah menyatakan bahawa setiap anak Adam yang dilahirkan akan disentuh syaitan pada hari kelahirannya kecuali Maryam a.s dan anaknya Musa a.s.¹²

Dalam kitab Rūh al-Maā'niy pula menyatakan bahawa, frasa (**إِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ**) adalah Ma'tūf kepada (**إِنِّي سَمَّيْتُهَا**) dan perkataan **أُعِيذُ** adalah predikat bagi partikel **إِنَّ** pada kalimah **إِنِّي**. Predikat ini didatangkan dalam bentuk pola kata kerja muḍāri' untuk menunjukkan bahawa permintaan Saidatina Maryam yang berterusan tanpa batas supaya memberi perlindungan kepada anaknya nabi Musa a.s.

¹² Tafsir al-Quran al-Hakīm, Syeikh Muhd Abduh. 1981. Jil 3/290

Keadaan ini berbeza dengan perkataan **سَمِيئَهَا** dan **وَضَعْنَهَا**, yang mana kedua-duanya juga adalah predikat bagi partikel **إِنَّ**, tetapi kedua-duanya didatangkan dalam bentuk pola kata kerja **māḍi** kerana maknanya di sini terbatas dan tidak berterusan.

e) Ayat 58;

ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ﴿٥٨﴾

"(Kisah-kisah dan bimbingan-bimbingan) yang sedemikian yang Kami bacakan kepadamu itu adalah sebahagian dari ayat-ayat dan peringatan yang bijaksana."

Ayat ini adalah kesimpulan urutan daripada kisah al-Masīḥ Isa a.s, iaitu putera Maryam dan juga keingkaran bani Isrāil yang menjadi pengikut nabi Isa a.s. Pengikut baginda tidak mengakui bahawa baginda adalah utusan daripada Allah dan mereka turut melakukan tipu daya yang panjang lebar tentang nabi Isa a.s dan ibunya, Maryam. Kisah-kisah ini boleh dirujuk di dalam surah ini daripada ayat 45 sehingga 47.

Jika diteliti, Allah Taala banyak menggunakan ungkapan kata kerja **māḍi** pada ayat-ayat sebelum ini kerana perkara-perkara dan kisah-kisah yang dipaparkan telah pun berlaku pada zaman nabi Isa a.s dan pengikutnya. Antara perkataan kata kerja tersebut ialah **اتَّبَعْنَا** dan **أَمْنَا** pada ayat 33, **كَفَرُوا** pada ayat 56 serta **عَمِلُوا** dan **أَمَنُوا** pada ayat 57. Seterusnya ayat 58 ini Allah Taala menggunakan kata kerja **muḍāri'** iaitu **نَتْلُوهَا**. Ini adalah kerana untuk dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w yang diutuskan selepas al-Masīḥ Isa a.s tentang ajaran-ajaran untuk menghadapi ahli kitab pada zaman baginda s.a.w. Allah Taala juga ingin menjelaskan kepada kita bahawa hakikat yang dibawa dan diseru baginda adalah jelas dan yakin.

Selain itu, ungkapan kata kerja ini juga mengandung makna penghormatan yang tinggi kepada nabi Muhammad s.a.w serta untuk menyatakan kedudukan baginda yang paling hampir dengan Allah Subhanahu wa Taala.

Di samping itu, ia juga menunjukkan rahmat dan kasih sayang Allah Taala kepada baginda Rasulullah s.a.w kerana Allah sendiri yang mengendalikan perbicaraan ini dengan menggunakan pola kata kerja muḍāri' iaitu 'تَلُوهُ' kepada nabi-Nya Muhammad s.a.w. Ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan dan hubungan di antara Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w sentiasa berterusan dalam kasih sayang-Nya.

Imam Syeikh Muhd Abduh juga menyatakan hal ini adalah untuk membuktikan kerasulan serta mengakui kebenaran utusan nabi Muhammad s.a.w kepada umat baginda.¹³

f) Ayat 106 dan 107

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌُ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌُ فَأَمَّا الَّذِينَ آسَوْدَتْ وُجُوهُهُمْ أَكَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾

(Ingatlah) hari di mana banyak wajah menjadi putih berseri-seri dan banyak pula wajah yang menjadi hitam muram. Adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi hitam muram (ditanyakan kepada mereka): Mengapakah kamu menjadi kafir setelah kamu beriman? Kerana itu rasakanlah azab dengan sebab perbuatan kufur yang telah dilakukan kamu itu.

¹³ Tafsir al-Quran al-Hakim, Syeikh Muhd Abduh. 1981. ms 318

وَأَمَّا الَّذِينَ ابْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٠٧﴾

Dan adapun orang-orang yang wajah mereka telah menjadi putih berseri-seri, maka mereka sekalian berada di dalam rahmat Allah (Syurga) dan mereka kekal abadi di dalamnya.

Ayat ini berkisar pada gambaran Allah Taala yang terlalu dahsyat dan menakutkan yang tidak digambarkan oleh kata-kata atau sifat-sifat, tetapi Allah telah menggambarannya dengan wajah-wajah manusia yang hidup.

Gambaran dan permandangan ini adalah ekoran daripada akibat yang telah menimpa kaum ahli kitab yang telah diberi amanah Allah, kemudian mereka berpecah belah dan bertelagah sesama sendiri. Allah menyarankan agar kaum muslimin hidup berlandaskan keimanan dan persaudaraan yang teguh supaya tertegaknya sistem hidup Ilahi di sepanjang masa dan pada setiap zaman.

Allah Taala ingin menunjukkan bahawa gambaran-gambaran ini pasti dan benar-benar akan berlaku dengan membawa datang kalimah kata kerjanya dalam bentuk māḍi di dalam kedua-dua ayat ini iaitu **اسْوَدَّتْ** dan **ابْيَضَّتْ**, sedangkan jika diteliti perkara-perkara yang digambarkan Allah Taala ini bakal berlaku pada hari kiamat kelak. Bagi mereka yang gemar berpecah belah dan berselisih faham setelah datang keterangan dan ayat-ayat Allah yang nyata, Allah Taala telah mengambarkan dengan wajah-wajah yang marah dan hitam pekat kerana sedih dan dukacita. Manakala bagi mereka yang mengamalkan kedua-dua prinsip asas, iaitu keimanan dan persaudaraan seperti yang disarankan di dalam rentetan peristiwa yang berlaku dalam ayat ini sebagai landasan

hidup mereka, maka wajah-wajah mereka akan putih berseri-seri dan tersenyum manis kerana mendapat rahmat Allah Taala.

Oleh sebab itu, dapat dilihat bahawa penggunaan kata kerja māḍī ini pada perkara atau keadaan yang bakal berlaku menunjukkan kecaman daripada Allah Taala serta pengajaran kepada hamba-Nya. Ia juga menunjukkan bahawa azab dan balasan baik Allah itu benar-benar akan berlaku dan ini adalah janji Allah yang nyata.

g) Ayat 110;

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin manusia. Kamu menyuruh melakukan kema'rifan dan melarang melakukan kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah."

Ayat ini telah meletakkan kelompok muslimin di tempat yang mulia dan mengangkat kedudukan mereka kepada satu kedudukan yang istimewa yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana kelompok manusia yang lain.

Ayat ini juga menceritakan bahawa umat nabi Muhammad s.a.w adalah sebaik-baik umat di Lūh Mahfūz kerana nabi Muhammad adalah sebaik-baik dan semulia-mulia makhluk di sisi Allah Taala yang disyariatkan sepenuhnya, yang tiada pada nabi-nabi atau rasul-rasul sebelum baginda.

Dalam ayat ini telah menggunakan kata kerja māḍi yang juga membawa makna muḍāri' iaitu **كُنْتُمْ** . Persoalannya kenapa didatangkan dengan kata kerja kala lampau ini, sedangkan mukhatabnya ditujukan kepada umat nabi Muhammad s.a.w yang wujud sehingga kini? Menurut imam al-Fakhr al-Rāzī dalam kitabnya Tafsīr al-Kabīr, perkataan ini dipilih untuk menunjukkan bahawa kemuliaan ini hanya dikhususkan kepada umat tertentu, iaitu umat nabi Muhammad s.a.w dan tidak menggunakan **أَنْتُمْ** yang menunjukkan kepada semua hamba-hamba-Nya.¹⁴

Dalam perbahasan selanjutnya beliau turut menyatakan bahawa hal ini disebabkan oleh salah satu daripada perkara-perkara berikut:

1. Untuk menunjukkan bahawa sebaik-baik umat adalah daripada golongan manusia dan bukan daripada makhluk-makhluk lain.
2. Mereka yang disifatkan sebaik-baik umat adalah golongan yang berada di Lūh al-Mahtūz yang akan datang.
3. Untuk menunjukkan bahawa mereka sejak dari awal keimanan mereka lagi adalah sebaik-baik umat.
4. **كَانَ** membawa makna **صَارَ** , asalnya ialah **صِرْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ** iaitu kamu telah menjadi sebaik-baik umat kerana kamu terdiri daripada golongan yang membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.
5. Kerana menurut konteks ayat yang diturunkan sebelumnya terdapat penggunaan kata kerja māḍi iaitu **أَبْيَضَتْ وَجُوهَهُمْ** . Di dalam hal ini imam al-Fakhr al-Rāzī telah menyentuh sedikit dari sudut sintaksis ayat.

¹⁴ Al-Tafsir al-Kabīr, al-Fakh al-Rāzī .1997.Jil 8/324

Terdapat pendapat lain yang menyokong pandangan Imam al-Fakh al-Rāzī ini dengan menyatakan bahawa, fenomena ini berlaku adalah untuk menunjukkan umat nabi Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dijadikan Allah s.w.t.¹⁵

h) Ayat 131 dan 133;

وَأْتَعُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾

"Dan peliharalah diri kamu dari Neraka yang telah disediakan untuk orang-orang kafir."

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ
لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

"Dan berlumba-lumbalah kamu kepada mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang luasnya ialah seluas langit dan bumi yang telah disediakan untuk para Muttaqin."

Dalam rentetan ayat sebelum ini membicarakan larangan kepada orang mukmin supaya tidak terjebak ke dalam unsur riba dan juga pengharamannya oleh Allah s.w.t. Seterusnya Allah Taala mengancam dengan menyatakan bahawa balasannya adalah api neraka bagi mereka yang mengamalkan riba.

Allah Taala juga menyeru golongan mukmin ini dalam ayat yang kedua supaya bertaqwa kepada Allah dengan harapan mendapat rahmat dan keberuntungan yang bukannya sedikit. Maka Allah memerintahkan agar segera memohon keampunan kerana balasannya adalah syurga yang telah disediakan untuk golongan-golongan yang bertaqwa ini.

¹⁵ Al-Tibyān fī al-Tafsīr al-Quran, Abu Jaafar Muhammad bin al-Hassān, Jil 2/557

Jika dilihat balasan neraka dan syurga yang diungkapkan Allah Taala dalam kedua-dua ayat ini menggunakan kata kerja mādi iaitu **أُعِدَّتْ** dalam bentuk pasif atau *binā' al-majhūl* kepada perkara yang belum berlaku, iaitu balasan di syurga dan juga neraka. Hal ini adalah untuk menunjukkan pengajaran dan perjanjian yang nyata daripada Allah dan sesungguhnya kedua-dua perkara ini memang benar-benar akan berlaku sebagai pengajaran kepada hamba-Nya pada setiap generasi dan zaman.

Alasan ini juga mempunyai persamaan dengan ayat 185 dalam surah ini, iaitu **فَمَنْ زُحِرِحَ** **أُدْخِلَ** **عَنِ النَّارِ** **وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ** **فَقَدْ فَازَ** di mana **زُحِرِحَ** dan **أُدْخِلَ** dibawa dalam bentuk pola kata kerja mādi dan juga pasif.

Berdasarkan apa yang telah dipaparkan penulis menerusi perbincangan-perbincangan di dalam bab ini, secara tidak langsung juga dapat dilihat bahawa bahasa Arab sememangnya mencakupi bidang yang amat luas sehingga penggunaan setiap perkataan turut memberi kesan dalam ilmu-ilmu Islam termasuk kefahaman tentang semantik ayat al-Quran.